

SOURCES–PEER INSTRUCTION: KAEDAH UNTUK MENINGKATKAN PENCAPAIAN PEMAHAMAN SEJARAH DALAM KALANGAN MURID BERPENCAPAIAN RENDAH

Sources-Peer Instruction: A Method to Improve Historical Understanding among Lower Achievement Students

M.Kaviza

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Universiti Utara Malaysia

Corresponding Author Email: kavizakaviza@yahoo.com

Abstrak

Pemahaman sejarah yang rendah terhadap fakta dan konsep sejarah yang abstrak dalam sesuatu peristiwa sejarah merupakan cabaran kepada murid berprestasi rendah. Malah, menghafal fakta daripada buku teks menyebabkan murid tidak memahami makna di sebaliknya peristiwa sejarah tersebut yang menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah tidak menarik dan berpusatkan guru. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada pencapaian pemahaman sejarah dapat dipertingkatkan melalui kaedah *Sources-Peer Instruction* yang diperkenalkan ke dalam mata pelajaran sejarah bagi murid berprestasi rendah. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah kategori luar bandar di negeri Perlis yang melibatkan seramai 31 orang murid Tingkatan Empat yang berprestasi rendah yang dipilih dengan teknik persampelan bertujuan bagi Topik Tamadun Awal Manusia. Model Kemmis dan McTaggart, (1988) digunakan dalam reka bentuk kajian tindakan dalam kajian ini yang melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif melalui ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi ujian pencapaian pemahaman sejarah, temubual dan pemerhatian. Dapatan kajian ini mendapati bahawa terdapat peningkatan pencapaian pemahaman sejarah dalam ujian pasca dan ujian pasca lanjutan secara berterusan bagi murid berprestasi rendah melalui penggunaan kaedah *Sources-Peer Instruction* walaupun selepas tamatnya pengajaran. Pemerhatian dan maklum balas daripada temubual dan pemerhatian juga menyokong dapatan kajian ini. Adalah diharapkan bahawa penggunaan kaedah *Sources-Peer Instruction* perlu diperluaskan ke semua tingkatan yang lain, termasuk ke sekolah rendah dengan topik yang berbeza yang membolehkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah menjadi lebih seronok dan efektif.

Kata kunci: Kaedah *Sources-Peer Instruction*, kajian tindakan, mata pelajaran sejarah, murid berprestasi rendah, pemahaman sejarah.

Abstract

A lower historical understanding of abstract historical facts and concepts in historical events is a challenge for low-achieving students. In fact, memorizing facts from textbooks causes students do not to understand the meaning behind historical events that make the process of teaching and learning history unattractive and teacher-centered. Therefore, the purpose of this study is to identify whether the achievement of historical understanding can be enhanced through the Sources-Peer Instruction method introduced in history subjects for lower achievement students. This study was conducted in a rural category secondary school in state of Perlis which involving a total of 31 Form Four lower achievement grade students that are selected using purposeful sampling techniques. Kemmis and McTaggart models, (1988) are used in the design of action studies in this study which involve quantitative and qualitative data collection through pre-test, post-test and extended post-test achievement of historical understanding test, interviews and observations. The findings of the study showed that there was higher improvement in the historical understanding of post-test and extended post- tests for lower achievement students via using the Sources-Peer Instruction method. Feedback from interviews and observations also support the findings of this study. It is hoped that the Sources-Peer Instruction method should be extended to all other levels of form, including to primary schools with different topics that enable the process of teaching and learning of history to be more fun and effective.

Keywords: Action research, lower achievement students, historical understanding, history subject, Sources-Peer Instruction method.

PENGENALAN

Mata pelajaran sejarah merupakan mata pelajaran teras yang dipelajari secara berterusan dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah (Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2003, 2015). Penekanan tentang kepentingan mata pelajaran sejarah mulai tahun 2013 yang telah mewajibkan mata pelajaran sejarah sebagai syarat lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan suatu usaha untuk mengikis amalan murid yang melabelkan mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran penghafalan. Dengan pengiktirafan nafas baru ini menyebabkan murid sedar bahawa ilmu sejarah dapat menyemai semangat patriotisme di samping dapat menanam nilai-nilai sejarah dalam kehidupan murid (Shakila Yacob, 2010). Tambahan pula, kemahiran berfikir merupakan salah satu elemen yang perlu disebatkan dalam sistem pendidikan seiring dengan penekanan perkembangan rohani, emosi, jasmani dan intelek dalam Falsafah Pendidikan Negara dalam usaha melahirkan masyarakat saintifik dan progresif (Abdul Razaq & Andi Suwirta, 2007). Sehubungan dengan itu, mata pelajaran sejarah mengandungi banyak konsep dan fakta abstrak yang sukar difahami, di samping tidak dapat membentuk daya intelektual murid terhadap sesuatu maksud atau makna di sebalik sesuatu peristiwa sejarah (Mohd Rodzi, 2009). Justeru, penggunaan kaedah *Sources-Peer Instruction* merupakan salah satu kaedah pengajaran sejarah yang berpotensi dilaksanakan bagi membantu murid memahami dan membuat interpretasi secara mendalam terhadap sesuatu peristiwa sejarah bagi menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah lebih berkesan dan akhirnya pencapaian pemahaman sejarah murid dapat dipertingkatkan.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam pendidikan sejarah, murid sejarah bukan sahaja perlu diajar untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan peristiwa sejarah, malah yang lebih penting mereka perlu dibentuk untuk memahami sesuatu peristiwa sejarah secara empati agar dapat direalisasikan dalam kehidupan seharian (Hazri Jamil, 2003). Sungguhpun begitu, murid-murid tetap beranggapan bahawa mata pelajaran sejarah sebagai mata pelajaran membosankan, sukar difahami dan tidak diminati (Mohd Rodzi, 2009). Hal ini kerana kaedah pengajaran guru yang bercorak tradisional yang mementingkan murid untuk menghafal fakta-fakta sejarah juga menjadi salah satu faktor murid kurang memahami peristiwa sejarah, di samping kurang meminati mata pelajaran sejarah di sekolah. Situasi ini juga turut menyebabkan murid yang mempunyai pencapaian rendah sukar untuk memahami peristiwa sejarah (Barton & Levistik, 2004; Azwan Ahmad, Abdul Ghani Kaneson Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, Abdul Rahman Abdul Aziz, 2005). Selain itu, kaedah pengajaran yang berpusatkan guru sejarah yang masih menggunakan kaedah “*chalk and talk*” (Ormardin Haji Ashaari & Yunus Muhammad, 1996; Haydn, Arthur & Hunt, 2001) yang dianggap kaedah yang tidak kreatif dan inovatif walaupun mereka telah didedahkan dengan pelbagai kursus dan latihan dalam perkhidmatan telah menghadkan interaksi antara guru, murid dan bahan (Dutt-Doner & Allen, 2015; Getman-Eraso & Culkin, 2017) yang menyebabkan murid berprestasi rendah sukar memahami peristiwa sejarah.

Tambahan pula, sikap guru sejarah yang bergantung kepada buku teks tanpa menggalakkan dan membimbing murid untuk mengkaji dan meneroka bahan dan sumber sejarah yang lain menyebabkan penguasaan pengetahuan dan kemahiran murid adalah tidak meluas dan keadaan ini menyebabkan murid membuat andaian bahawa mata pelajaran adalah tidak menyeronokkan dan menarik (Azwan Ahmad et al, 2005).Tumpuan guru sejarah yang berorientasikan peperiksaan bukannya berorientasikan kepada proses pembelajaran tidak memberi kesempatan kepada guru sejarah untuk meneroka kaedah pengajaran sejarah yang lain (Johansson, 2017; Hover, Hicks &

Dack, 2016). Justeru, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, guru sejarah perlu mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran yang lebih menarik yang dapat meningkatkan pemahaman sejarah dalam kalangan murid. Maka, kajian tindakan ini mencadangkan kaedah *Sources-Peer Instruction* sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan dalam mata pelajaran sejarah bagi meningkatkan pemahaman sejarah dalam kalangan murid berprestasi rendah.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti sama ada kaedah *Sources-Peer Instruction* dapat meningkatkan pencapaian pemahaman sejarah dalam ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi murid berprestasi rendah.

Persoalan kajian ini ialah:

1. Adakah kaedah *Sources-Peer Instruction* dapat meningkatkan pencapaian pemahaman sejarah dalam ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan bagi murid berprestasi rendah?

TINJAUAN LITERATUR KAJIAN

Penggunaan Sumber Sejarah

Sumber sejarah sebagai karya-karya yang menyediakan maklumat atau bukti yang bersifat asli yang berkaitan dengan sesuatu fakta, kejadian atau siri sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku pada masa lalu yang dijadikan bahan kajian oleh ahli sejarah (Suntharalingam, 1985). Terdapat dua jenis sumber sejarah iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer iaitu merujuk kepada sumber seperti catatan, laporan, surat, buku harian, dokumen, rekod dan sebagainya yang bersifat asli yang dapat memberikan maklumat, catatan atau melaporkan mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku (Hazri Jamil, 2003; Library of Congress, 2006). Manakala, sumber sekunder pula dirujuk sebagai sumber yang tidak asli yang dihasilkan oleh ahli sejarah melalui pengkajian atau penulisan mereka tentang sesuatu peristiwa sejarah berpandukan kepada sumber primer seperti ensiklopedia, majalah, buku teks, risalah dan sebagainya (Hazri Jamil, 2003; Library of Congress, 2006). Penggunaan sumber sejarah adalah selaras dengan matlamat dan objektif mata pelajaran sejarah kurikulum sejarah yang menekankan pengkajian sejarah (PPK, 2003; 2015). Penggunaan sumber sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah dapat menggalakkan proses berfikir kritis dan meningkatkan kebolehan intelektual murid kerana ianya melibatkan proses pengumpulan dan pemeriksaan bukti, penilaian sumber, penganalisan sumber dan interpretasi sumber sejarah (Hazri Jamil, 2003; Wineburg, 1991). Hal ini kerana kajian Nokes, (2014) telah membuktikan bahawa penggunaan sumber sejarah dapat membantu meningkatkan minat belajar sejarah dalam kalangan murid. Namun begitu, kebanyakan guru sejarah masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang menggunakan buku teks sebagai sumber rujukan utama (Haydn, Arthur & Hunt, 2001; Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah, 2012).

Teknik *Peer Instruction*

Bagi memastikan murid terlibat secara aktif dengan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk membina kemahiran penaakulan yang kompleks, teknik *Peer Instruction* yang diasaskan Eric Mazur merupakan salah satu kaedah alternatif yang berpotensi dilaksanakan bagi meningkatkan

pemahaman sejarah dalam kalangan murid. Teknik *Peer Instruction* merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid yang menggunakan soalan untuk meningkatkan penglibatan murid dan meningkatkan pemahaman murid secara mendalam terhadap sesuatu bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mengelakkan berlakunya miskonsepsi pemahaman konseptual dalam mata pelajaran fizik (Crouch & Mazur, 2001; Mazur, 1997; Porter, Bailey, Simon, Cutts, & Zingaro, 2011). Kaedah *Peer Instruction* menyediakan persekitaran pembelajaran yang berstruktur kepada para murid untuk mengemukakan pandangan dan idea serta menyelesaikan miskonsepsi pemahaman dengan rakan-rakan bagi membolehkan mereka belajar pengetahuan dan fakta baharu yang dapat membentuk pembelajaran dalam komuniti di dalam kelas (Hoekstra, 2008; Kalman, Bolotin, & Antimora, 2010; Turpen & Finkelstein, 2009).

Ujian konsep yang berbentuk item objektif dengan jawapan aneka pilihan diperkenalkan dalam teknik ini yang dapat menyediakan pengalaman pembelajaran menarik dan menggalakkan pemikiran murid terhadap pemahaman mendalam mereka berdasarkan bahan pengajaran yang diberikan bagi membolehkan murid membina pengetahuan dan idea mereka. Ujian konsep juga digunakan bagi mengenal pasti masalah yang murid hadapi berkaitan dengan pemikiran dan pemahaman mereka (Mazur, 1997). Terdapat beberapa langkah pelaksanaan teknik *Peer Instruction* yang disarankan oleh Mazur, (1997) adalah seperti berikut:


1. Guru mengemukakan soalan (ujian konsep) berkaitan bahan pengajaran
2. Murid diberikan 1 hingga 2 minit untuk berfikir
3. Murid menjawab soalan secara individu dengan mengangkat kad jawapan
4. Murid berbincang dengan rakan sebelah berkaitan dengan pemilihan jawapan
5. Murid menjawab semula soalan dengan mengangkat kad jawapan
6. Guru memberikan maklum balas terhadap pemilihan jawapan
7. Guru memberikan penerangan kepada jawapan yang betul

Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa teknik *Peer Instruction* dapat meningkatkan minat dan motivasi (Keiner & Burns, 2010; Simon & Cutts, 2012), di samping menggalakan pembelajaran pemahaman konseptual (Crouch & Mazur, 2001; Lasry, Mazur, & Watkins, 2008; Nitta, 2010) dalam kalangan murid. Oleh itu, teknik *Peer Instruction* adalah berpotensi dilaksanakan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran sejarah yang melibatkan pelbagai jenis sumber sejarah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam proses pengkajian sejarah.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk kajian tindakan yang digunakan sebagai suatu pendekatan untuk membaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan yang menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubah amalan-amalan sedia ada (Commonwealth of Australia, 2009). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan model penyelidikan kajian tindakan berdasarkan Model Kemmis dan Mac Taggart, (1988) yang menggariskan empat fasa perkembangan iaitu:



Rajah 1: Model Kemmis dan McTaggart, (1988)

Populasi dan sampel kajian

Sampel kajian terdiri daripada 31 orang murid Tingkatan Empat yang berprestasi rendah di sebuah sekolah menengah harian negeri Perlis melalui teknik persampelan bertujuan. Pemilihan murid berprestasi rendah ditentukan berdasarkan keputusan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) tahun sebelumnya iaitu murid yang mendapat Gred C, D dan E seperti yang dicadangkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan.

Instrumen kajian

Instrumen kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Ujian pencapaian pemahaman sejarah terdiri daripada 30 item objektif bagi topik Tamadun Awal Dunia yang dibina sendiri oleh pengkaji. Susunan item dalam ujian pra dan ujian pasca adalah berbeza. Ujian pencapaian ini telah melalui proses kesahan kandungan oleh dua orang guru cemerlang yang berpengalaman luas melebihi 10 tahun. Nilai kebolehpercayaan ($N=30$ orang murid) dengan menggunakan rumus *Kuder Richardson* adalah 0.89 yang dianggap baik (Nunnally, 1978). Indeks diskriminasi dan kesukaran bagi kesemua item ini adalah baik dan diterima untuk tujuan kajian ini (Nitko, 2004).
- b. Temubual
Temubual separa berstruktur dijalankan terhadap dua orang murid (tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan) yang dipilih secara rawak bagi mendapatkan pandangan dengan pelaksanaan kaedah pembelajaran sejarah di dalam kelas. Di samping itu, pengkaji juga menemubual guru sejarah bagi mendapatkan maklum balas berkaitan dengan kaedah pengajaran yang dilaksanakan.
- c. Pemerhatian
Pemerhatian juga digunakan bagi menyokong dapatan kajian ini dengan menggunakan borang pemerhatian berstruktur yang diubahsuai daripada borang pemerhatian Johnson dan Johnson (1990) bagi mendapatkan data berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang dijalankan di dalam kelas.

Prosedur menjalankan kajian

Penyelidikan dijalankan mengikut Model Kemmis dan Mc Taggart, (1988) yang terdiri daripada empat fasa perkembangan iaitu:

a. Tinjauan awal

Pengkaji menjalankan tinjauan awal tentang masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah berdasarkan pengalaman pengkaji, temubual guru dan murid serta pemerhatian situasi di dalam kelas. Pengkaji juga meneliti keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

b. Merancang

Kebenaran daripada bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan pengetua sekolah terlibat diperolehi. Pengkaji dan guru sejarah merancang pengajaran sejarah dengan kaedah *Sources-Peer Instruction* bagi mengatasi masalah yang timbul dalam tinjauan awal. Pengkaji memilih topik Tamadun Awal Dunia kerana topik tersebut mempunyai banyak konsep sejarah yang abstrak dan sukar dikuasai oleh murid. Ujian konsep dan kad jawapan telah dibina. Rancangan pengajaran juga turut disediakan bagi membantu guru sejarah melaksanakan pengajaran tersebut dengan lebih sistematik. Sebelum kajian bermula, ujian pra dijalankan.

c. Pelaksanaan

Tempoh pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah *Sources-Peer Instruction* adalah selama lapan sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas formal. Terdapat lapan langkah pelaksanaan kaedah *Sources-Peer Instruction* dalam kajian ini seperti ditunjukkan pada Rajah 2.

<i>Kaedah Sources-Peer Instruction</i>	
<i>Sources</i>	
Langkah 1	Guru mengedarkan bahan sumber sejarah yang sesuai dan relevan bagi topik sejarah yang dikaji kepada murid
<i>Peer Instruction</i>	
Langkah 2	Guru mengemukakan soalan (Ujian Konsep) dengan menggunakan <i>slide</i> persembahan (<i>power point</i>) berkaitan maklumat dalam sumber sejarah.
Langkah 3	Murid diberikan masa untuk berfikir terhadap jawapan soalan (Ujian Konsep) yang dikemukakan
Langkah 4	Murid merekodkan jawapan mereka secara individu dengan mengangkat kad jawapan mereka (Kad Jawapan mengandungi 4 warna: Jawapan A-warna merah, B-warna biru, C-warna hijau dan D-warna kuning)
Langkah 5	Murid berbincang jawapan dengan rakan sebelah dan menyakinkan pemilihan jawapan mereka.
Langkah 6	Murid merekodkan semula jawapan mereka dengan mengangkat kad jawapan tersebut
Langkah 7	Guru memberikan maklum balas terhadap pemilihan jawapan murid
Langkah 8	Guru memberikan penerangan kepada jawapan soalan (ujian konsep) yang betul bagi memastikan tidak berlakunya kekeliruan fakta sejarah terhadap maklumat daripada sumber sejarah.

Rajah 2: Langkah-langkah Pelaksanaan Kaedah *Sources-Peer Instruction*

Dalam kajian ini, terdapat antara enam hingga lapan soalan (ujian konsep) dikemukakan bagi setiap sumber sejarah yang diberikan dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran (80 minit). Hal ini bertujuan untuk memastikan murid dapat menguasai kandungan sumber sejarah dengan lebih mendalam. Ujian pasca dijalankan pada minggu keempat dan ujian pasca lanjutan pula dijalankan pada minggu kelapan berdasarkan saranan Campbell dan Stanley, (1963).

d. Refleksi

Keputusan daripada ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan digunakan untuk menentukan peningkatan pencapaian pemahaman sejarah dalam kalangan murid berpencapaian rendah.

Prosedur penganalisan data kajian

Data kuantitatif dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi iaitu ujian ANOVA dengan pengukuran berulang dengan menggunakan perisian “IBM SPSS Statistic” versi 24, manakala protokol temubual dan nota lapangan sebagai data kualitatif dianalisis dengan perisian Nvivo.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

1. Adakah penggunaan kaedah *Sources-Peer Instruction* dapat meningkatkan pencapaian pemahaman sejarah dalam ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan dalam kalangan murid berpencapaian rendah?

Bagi menjawab persoalan kajian 1, hipotesis nul (H_0) telah diuji pada aras kesignifikan ($p=0.05$) seperti berikut:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap skor min pencapaian pemahaman sejarah bagi murid berpencapaian rendah yang menggunakan kaedah *Sources-Peer Instruction*.

Berdasarkan Jadual 1, skor min pencapaian pemahaman sejarah adalah tinggi dalam ujian pasca ($M = 23.84, SD = 5.84$) berbanding dalam ujian pra ($M = 7.84, SD = 2.61$) dan ujian pasca lanjutan ($M = 19.12, SD = 2.82$). Keputusan ujian *Multivariate* bagi *Wilks Lambda* pada Jadual menunjukkan bahawa kesan utama waktu ujian terhadap pencapaian pemahaman sejarah adalah signifikan [$F(2, 29) = 192.72, p=0.00, \pi^2 = 0.94$]. Nilai eta separa kuasa dua, $\pi^2 = 0.98$ dalam kajian ini menunjukkan bahawa saiz kesan waktu ujian terhadap pencapaian pemahaman sejarah adalah sangat besar (Cohen, 1988). Di samping itu, keputusan ujian kesferaan *Mauchly* yang tidak signifikan ($p=0.16$) menunjukkan bahawa andaian kesferaan matriks varian kovarians adalah dipatuhi dalam kajian ini. Maka, ujian *univariate* dengan andaian dipatuhi (Jadual 3) mendapati bahawa kesan utama waktu ujian adalah signifikan bagi pencapaian pemahaman sejarah ($F=438.02, p=0.00, \pi^2 = 0.85$). Berdasarkan Jadual 4, keputusan ujian *Post Hoc Bonferroni* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($p<0.05$) pada pasangan waktu ujian iaitu ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan terhadap min skor pencapaian pemahaman sejarah. Oleh itu, hipotesis nol (H_{01}) berjaya ditolak iaitu terdapat perbezaan yang signifikan bagi ujian pra, ujian pasca dan ujian pasca lanjutan skor min pencapaian pemahaman sejarah. Maka, penggunaan kaedah *Sources-Peer Instruction* berkesan untuk meningkatkan skor min pencapaian pemahaman sejarah walaupun selepas tempoh intervensi telah tamat. Dapatan ini adalah selaras dengan kajian Crouch & Mazur, (2001) dan Nitta, (2010) yang mendapati bahawa pemahaman konseptual murid dalam mata pelajaran Fizik adalah meningkat dengan lebih tinggi bagi kumpulan murid yang menggunakan teknik *Peer Instruction* berbanding dengan murid yang tidak menggunakan teknik *Peer Instruction*.

Jadual 1: Statistik Deskriptif Skor min Pencapaian Pemahaman Sejarah dalam Ujian Pra, Ujian Pasca dan Ujian Pasca Lanjutan

	Ujian Pra	Ujian Pasca	Ujian Pasca Lanjutan
N	31	31	31
Min	7.84	23.84	19.12
Sisihan Piawai	2.61	5.84	2.82

Jadual 2: Keputusan Ujian *Multivariate* untuk Skor Min Pencapaian Pemahaman Sejarah

Kesan		Nilai	F	Hipotesis df	Ralat df	Sig.	Separata Eta Kuasa Dua
Pencapaian pemahaman sejarah	<i>Wilks' Lambda</i>	0.06	192.72	2.00	29	0.00	0.94

Jadual 3: Keputusan Ujian *Univariate* untuk Skor Min Pencapaian Pemahaman Sejarah

Kesan		Jumlah kuasa Dua Jenis III	df	Kuasa dua min	F	Sig.	Separata Eta Kuasa Dua
Pencapaian pemahaman sejarah	Andaian kesferaan dipatuhi	3379.31	2	1689.65	132.81	0.00	0.85

Jadual 4: Keputusan Ujian *Post Hoc Bonferroni* untuk Skor Min Pencapaian Pemahaman Sejarah

		Perbezaan Min	Ralat	Sig	95% selang keyakinan bagi perbezaan	
					Bawah	Atas
Ujian Pra	Ujian Pasca	-16.00*	1.10	0.00	-18.83	-13.17
	Ujian Pasca Lanjutan	-11.28*	0.68	0.00	-13.03	-9.53
Ujian Pasca	Ujian Pra	16.00*	1.10	0.00	13.17	18.83
	Ujian Pasca Lanjutan	4.72*	1.17	0.00	1.72	7.73
Ujian Pasca Lanjutan	Ujian Pra	11.28*	0.68	0.00	9.53	13.03
	Ujian Pasca	5-4.72*	1.17	0.00	-7.73	-1.72

Berdasarkan *estimated marginal means*

*Perbezaan min adalah signifikan pada aras 0.05

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan kaedah *Sources-Peer Instruction* merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang berkesan yang boleh digunakan untuk meningkatkan pencapaian pemahaman sejarah dalam kalangan murid berpencapaian rendah. Peningkatan pencapaian pemahaman sejarah yang lebih tinggi dalam ujian pasca dan ujian pasca lanjutan menunjukkan bahawa murid terlibat secara aktif dalam penerokaan sumber sejarah yang diberikan secara mendalam walaupun dalam kalangan murid berpencapaian rendah yang tidak berminat untuk belajar mata pelajaran sejarah. Justeru, para guru hendaklah mengambil langkah inisiatif untuk menggunakan kaedah *Sources-Peer Instruction* bagi semua murid sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah dengan pelbagai topik sejarah yang lain agar proses pengajaran dan pembelajaran sejarah yang lebih menarik di dalam kelas yang dapat menggalakkan penglibatan aktif murid terhadap pengkajian sejarah selaras dengan perkembangan pendidikan sejarah pada peringkat global.

RUJUKAN

Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta. (2007). *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Pespektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung: Historia Utama Press.

- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Kaneson Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad & Abdul Rahman Abdul Aziz. (2005). Kesan Efikasi Guru Sejarah terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 7, 14-26.
- Barton, K., & Levistik, L. (2004). *Teaching History for the Common Good*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Campbell, D.T., & Stanley, J.C. (1963). *Experimental and Quasi-experimental Designs for Research*. Chicago: Rand McNally
- Commonwealth of Australia, (2009). *A Guide to Action Research (Digital Education Revolution NSW)*. Australia: Commonwealth of Australia.
- Crouch, C.H., & Mazur, E. (2001). Peer Instruction: Ten Years of Experiences and Result. *American Journal of Physics*, 69, 670-977.
- Dutt-Doner, K.M. (2015). Increasing Pre-service Teachers' Capacity to Utilize and Implement Primary Source Instruction in the Elementary Classroom. *National Teacher Education Journal*, 8(1), 13-24.
- Getman-Eraso, J., & Culkin, K. (2017). Close Reading: Engaging and Empowering History Students through Document Analysis on e-Portfolio. *International Journal of e-Portfolio*, 7(1), 29-42.
- Haydn, T., Arthur, J. & Hunt, M. (2001). *Learning to Teach History in the Secondary School: A Companion to School Experience*. London: Routledge Falmer.
- Hazri Jamil. (2003). *Teknik mengajar Sejarah*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Hoekstra, A. (2008). Vibrant student voices: Exploring effects of the use of clickers in large college courses. *Learning, Media, & Technology*, 33(4), 329-341.
- Hover, S.V., Hicks, D., & Dack, H. (2016). From Source to Evidence? Teachers' Use of Historical Sources in Their Classrooms. *The Social studies*, 107(6), 209-217.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Johnson, D.W., & Johnson, R.T. (1990). *Active Learning Cooperative an Individualistic Learning*. Boston: Allyn and Bacon.
- Kalman, C.S., Bolotin, M., & Antimirova, T. (2010). Comparison of the effectiveness of collaborative groups and peer instruction in a large introductory physics course for science majors. *Canadian Journal of Physics*, 88(5), 325-332.
- Keiner, L.E., & Burns, T.E. (2010). Interactive engagement: How much is enough? *The Physics Teacher*, 48(2), 108-111.
- Kemmis, S., & Mc Taggart, R. (1988). *The Action Research*. Victoria: Deakin University.
- Lasry, N., Mazur, E., & Watkins, J. (2008). Peer Instruction: from Harvard to the two-years college. *American Journal of Physics*, 76(11), 1066-1069.
- Library of Congress. (2006). *Using Primary Sources*. Retrieved from [http://www.loc.gov/teahers/using primary sources/](http://www.loc.gov/teahers/using_primary_sources/)
- Mazur, E. (1997). *Peer Instruction: A User's Manual*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Mohd Rodzi Abdul Razak. (2009). Pembinaan Negara bangsa Malaysia: peranan Pendidikan sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *JEBAT*,(36). Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nitko, A. J. (2004). *Educational Assessment of Students*. Ed. Ke-4. Upper Saddle River, NJ: Merrill.
- Nitta, H. (2010). Mathematics theory of peer instruction dynamics. *Physical Review Special Topics – Physics Education Research*, 6(2), 020105, 1-4.
- Nokes, J.D. (2014). Elementary students' Roles and Epistemic Stances during Document Based History Lessons. *Theory & Research in Social Education*, 42, 375-413.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd Ed). New York: McGraw Hill.
- Omarin Haji Ashaari & Yunus Muhammad. (1996). *Kaedah Pengajaran sejarah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Porter, L., Bailey, L.C., Simon, B., Cutts, Q., & Zingaro, D. (2011). A multi- classroom report on the value of peer instruction. In *Proceedings of the 16th Annual Joint Conference on Innovation and Technology in Computer Science Education*, June, 27029, Darmstadt, Germany.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2015) *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Satu*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia

- Renuka Ramakrishnan & Siti Hawa Abdullah. (2012). Penggunaan Sumber Digital Sejarah Dalam Kalangan Guru Sejarah. *Seminar Kebangsaan Majlis Dekan, Zon Regency by the Sea Johor Bharu*, 7-9 Oktober 2012.
- Shakila Yacob. (2010). Ilmu Sejarah Membina Negara. *Utusan Malaysia*. 19-10.2010
- Simon, B., & Cutts, Q. (2012). Peer Instruction: A teaching method to foster deep understanding. *Communications of the ACM*, 55(2), 27-29.
- Suntharalingam. (1985). *Pengenalan Kepada Sejarah*. Kuala Lumpur: Marican & Sons. Sdn Bhd
- Turpen, C., & Finkelstein, N.D. (2009). Not all interactive engagement is the same: Variations in physics professors' implementation of peer instruction. *Physical Review Special Topics-Physics Education Research*, 5(2), 120101, 1-8.
- Wineburg, S.S. (1991). On the Reading of Historical Texts: Notes on the Breach between School and Academy. *American Educational Research Journal*, 28(3), 495-519.